

RUMAH TEMPAT KELAHIRAN PM JADI PUSTAKA PERINGATAN

ALUR SETAR 14 Okt. Rumah tempat kelahiran Perdana Menteri, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad di Jalan Kilang Ais di sini yang diubah suai menjadi pustaka peringatan oleh Arkib Negara akan dibuka kepada orang ramai hujung tahun ini.

Ketua Pengarah Arkib Negara, Dato' Zakiah Hanum memberitahu, proses ubah suai rumah tersebut berjalan lancar dan kini hampir siap.

"Insya-Allah jika semuanya berjalan menurut jadual ia akan dibuka untuk dilawati orang ramai penghujung tahun," kata Zakiah.

Menurut beliau, rumah peringatan itu

sama konsepnya dengan pustaka peringatan lain, seperti Pustaka Peringatan Tun Abdul Razak (PPTAR) dan Pustaka Peringatan P. Ramlee (PPPR) di Kuala Lumpur dan Rumah P. Ramlee di Pulau Pinang.

PPTAR dan PPPR serta Rumah P. Ramlee memuatkan bahan-bahan koleksi serta riwayat hidup dan perjuangan Tun Abdul Razak dan P. Ramlee dalam bidang masing-masing.

Mengenai pembinaan pejabat arkib Kedah, Zakiah Hanum memberitahu, pihaknya sedang mencari sebidang tapak yang sesuai dalam kawasan bandar bagi mendirikan pejabat berkenaan.

LM 15 OCT 1992